

07/06/1997

Rasuah: Komponen BN wajar contohi Umno

TINDAKAN memecat Siti Zainab Datuk Abu Bakar daripada jawatan Timbalan Menteri Perusahaan Utama dan menggantung keahliannya daripada Umno bersama bekas Setiausaha Wanita Umno, Senator Habshah Osman dianggap satu lagi keputusan tegas kerajaan Barisan Nasional (BN) dan Umno untuk membersihkan parti dan kerajaan. Majlis Tertinggi (MT) Umno yang bermesyuarat kelmarin, dipengerusikan oleh Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga membuat keputusan menggantung semua jawatan parti yang dipegang bekas Exco Melaka, Datuk Sahar Arpan serta tidak membenarkannya terbabit dalam sebarang kegiatan parti sehingga kesnya diputuskan oleh mahkamah.

Dengan penegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sidang video bersama Anwar selepas mesyuarat MT, bahawa parti dan kerajaan mesti bersih, kita anggap keputusan MT Umno itu, menepati tuntutan dan hasrat kerajaan hari ini. Ia adalah tuntutan rakyat. Tindakan terhadap Siti Zainab dan Habshah diambil berasaskan hasil siasatan jawatankuasa khas yang ditubuh oleh parti. Jawatankuasa khas diketuai Bendahari Umno, Tun Daim Zainuddin mendapati mereka bertanggungjawab menutup akaun dan memindahkan RM1.8 juta daripada akaun Pergerakan Wanita. Kita percaya jawatankuasa itu mempunyai maklumat lengkap untuk memperakukan hukuman terhadap kedua-dua mereka. Manakala bagi kes Sahar, beliau perlu menunggu keputusan pengadilan.

Kita berpendapat tindakan tegas Umno itu membuka mata setiap pihak bahawa kepemimpinan parti hari ini tidak bertolak ansur terhadap sebarang perbuatan yang boleh menjejaskan imej parti dan kerajaan. Jika ada pihak yang beranggapan bahawa pemimpin tertinggi cuba membela golongan tertentu, anggapan itu adalah salah. Jika ada pemimpin yang mahu menguji ketegasan kerajaan, mereka boleh meneruskan amalan yang boleh hanya akan menyebabkan mereka dihukum. Lama kelamaan perbuatan mereka pasti terbongkar walaupun menggunakan pelbagai taktik sulit sekali pun.

Setiap mereka yang didapati terbabit melakukan salah laku yang bertentangan dengan hasrat rakyat bukan saja boleh dihukum atas kesalahan dari segi undang-undang. Jika melakukan kesalahan dari segi moral juga mereka akan dikenakan tindakan. Malah tidak mustahil tindakan moral dan undang-undang dikenakan serentak. Kita sudah menyaksikan beberapa kes yang membabitkan moral yang akhirnya menyebabkan mereka yang terbabit ditolak keluar oleh parti. Sebaliknya, jika kes mereka membabitkan penyelewengan dan rasuah dan menjadi kes undang-undang negara, mereka perlulah membela diri di mahkamah.

Kita berharap tindakan Umno itu diikuti oleh parti lain dalam BN kerana ia adalah amalan yang baik dan menguntungkan parti. Kita tidak mahu parti komponen BN melindungi ahli dan pemimpinnya yang melakukan kesalahan moral dan undang-undang kerana setiap tindak-tanduk mereka akan menjejaskan imej parti dan BN. Jika Umno boleh melakukannya, tidak ada sebab parti lain hanya menjadi pemerhati. Sekurang-kurangnya, jika mengesyaki berlaku sesuatu yang meragukan, parti berkenaan boleh menubuhkan jawatankuasa parti untuk menjalankan siasatan. Jika perlu, mereka boleh mendapatkan bantuan pihak berkuasa termasuk Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk membantu.

Bagi pemimpin parti komponen BN, kita berharap mereka tidak berlengah-lengah menggerakkan jentera parti untuk membersihkan sebarang bentuk penyelewengan yang mungkin wujud. Mereka harus menyelamatkan parti awal-awal lagi sebelum keadaan bertambah parah. Gejala rasuah amat bahaya jika

ia dibiarkan menular tanpa kawalan.

Sebagaimana sering dijelaskan oleh Dr Mahathir, gejala seperti itu bermula hanya dengan secawan kopi dan berakhir dengan wang yang berjuta. Kita tentu tidak mahu negara ini dipimpin oleh pemimpin yang tidak bermoral. Mereka yang tidak bermaruah, boleh menjual negara dan bangsa.

Walaupun kita sedar tindakan tegas itu perlu dibuat berhati-hati, bagi mengelakkan sebarang penganiayaan, namun ia adalah satu tanggungjawab yang terpaksa dilakukan demi masa depan negara. Kita tidak boleh menyuburkan budaya yang bertentangan dengan hasrat rakyat. Umno memulakan tindakannya dengan membanteras gejala politik wang. Sebarang kegiatan yang boleh dianggap sebagai unsur sogokan menjadi larangan dalam parti. Walaupun pada mulanya, kita lihat amaran demi amaran tidak begitu dihiraukan, hari ini kita percaya tidak ada pihak yang berani melakukan kegiatan yang boleh ditakrif sebagai menyogok.

(END)